

Malaysia, Itali meterai perjanjian hak mendarat

UM-19/7/2006

Perjanjian itu akan membolehkan MAS terus berkembang sebagai syarikat penerbangan antarabangsa kerana Itali sekarang adalah destinasi yang membawa pulangan amat baik

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Perdana Menteri

Daripada **HAMZAH SIDEK**

LONDON 18 Julai - Malaysia dan Itali hari ini menandatangani perjanjian hak mendarat yang akan membolehkan MAS menambah penerbangan penumpang laluan Kuala Lumpur-Rom daripada tiga ke lima kali seminggu.

Perjanjian itu juga membolehkan MAS mengendalikan perkhidmatan kargo tiga kali seminggu dari Kuala Lumpur ke Rom, Milan atau satu lagi tempat yang akan ditetapkan oleh kedua-dua pihak.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy dan Menteri Pengangkutan Itali, Alessandro Bianchi di Pusat Pertunjukan Udara Farnborough dengan disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Najib berkata, perjanjian itu akan membolehkan MAS terus berkembang sebagai syarikat penerbangan antarabangsa kerana Itali sekarang adalah destinasi yang membawa pulangan amat baik.

Jumlah penumpang MAS bagi laluan Kuala Lumpur-Rom telah meningkat daripada 34,615 orang pada tempoh tahun kewangan 2001/02 kepada 53,386 orang pada tahun 2004/05.

Perjanjian itu juga membolehkan MAS berkongsi kod penerbangan dengan Air Italia dalam menjadikan Rom sebagai pusat penerbangan ke lain-lain destinasi utama di Eropah.

Kedua-dua negara dijangka menyambung perbincangan pada 2007 bagi membolehkan penerbangan setiap hari antara Kuala Lumpur-Rom.

Sebelum menghadiri majlis perjanjian hak mendarat itu, Najib mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Pertahanan Britain, Desmond Browne.

Kata Timbalan Perdana Menteri, mereka bertukar-tukar pandangan mengenai pembangunan pertahanan Malaysia dan kerjasama antara kedua-dua negara.

Menurut beliau, Browne turut memberikan komitmen Britain bagi meneruskan kerjasama pertahanan lima negara (FPDA)



NAJIB Tun Razak menyaksikan Chan Kong Choy (kiri) dan rakan sejawatannya di Itali, Alessandro Bianchi bertukar-tukar dokumen selepas menandatangani perjanjian hak mendarat bagi MAS sempena Pameran Udara Antarabangsa Farnborough, dekat London, semalam.

- Bernama

yang turut melibatkan Singapura, Australia dan New Zealand.

Mereka turut membincangkan isu-isu

semasa antarabangsa melibatkan Afghanistan dan Iraq.

- Utusan